

# Harun hadiri taklimat pembangunan di UMS-KAL

dB 17.10.2012 B4

NAIB Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah telah menghadiri taklimat pembangunan di Bilik Mesyuarat Seminar, UMS Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL), baru-baru ini.

Taklimat yang disampaikan oleh Jurutera

Kanan, Jorin Matawas dan Penolong Jurutera Kanan, Mohd Azrie Ag Tanjong itu turut dihadiri Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof Dr Shariff Abdul Kadir Omang Al-Haj.

Hadir sama Pendaftar UMS, Datuk Abdullah Mohd Said, Pengarah

UMS-KAL, Prof Madya Dr Ismail Ali, Dekan Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (SPKAL), Prof Madya Dr Syed Nasirin Syen Zainol Abidin, Dekan Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL), Dr Ag Asri Ag Ibrahim dan Timbalan Pendaftar, Zamri Mohamad

Tuah.

Harun turut melawat makmal IDB milik SSIL di Tingkat 9 dan meninjau projek pembinaan Dewan Kuliah Pusat dan panorama menarik UMS-KAL dari Tingkat 13 menara universiti itu.

Beliau berharap semua projek berkenaan dapat disiapkan mengikut jadual yang telah ditetapkan dan peraturan kewangan sedia ada.

“Semua projek pembangunan itu adalah untuk kemudahan dan keselesaan pelajar, pensyarah dan kakitangan UMS-KAL pada masa akan datang,” katanya.

Antara projek dan kemudahan yang sedang dibina termasuk dewan kuliah, kolej kediaman pelajar, kemudahan sukan, masjid dan makmal.

Sempena lawatannya ke UMS-KAL itu, Harun, Shariff dan Abdullah menanam pokok mangga serta beramah mesra dengan pegawai kanan dan pelajar yang menyambut kunjungan beliau.



**HARUN (tiga kanan) menanam pokok mangga diperhatikan Shariff (kanan), Abdullah (dua kiri) dan Ismail (dua kanan).**